



**MURAL SIAP ...** Pelajar bersama pensyarah, Marja Azlima Omar telah siap menghasilkan mural di Amphi Theatre Lok Kawi Wildlife Park.

# Pelajar FKSU UMS jayakan program khidmat masyarakat berteraskan alam sekitar

NET 4-11-2019 2

**PUTATAN:** Seramai 28 pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjayakan program khidmat masyarakat berteraskan alam sekitar di Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Putatan.

Kumpulan pelajar kursus Politik Alam Sekitar Antarabangsa (PASA) di bawah program Hubungan Antarabangsa yang menggelar diri mereka Kumpulan AQUATHORNS diinspirasi dengan motto "Spread Green, Save Blue" telah mengadakan pelbagai ak-

tiviti berkonsepkan pemeliharaan dan pemuliharaan spesies hidupan liar yang diancam kepupusan.

Menurut Pensyarah Kursus PASA, Marja Azlima Omar, matlamat utama program ini adalah untuk mewujudkan interaksi antara pelajar UMS dengan masyarakat serta organisasi yang terlibat.

"Program ini juga adalah untuk berkongsi maklumat serta membantu para pelajar memahami dengan lebih luas lagi isu yang ingin diketengahkan iaitu hubungan antara keper-

luan pihak yang berautoriti dengan penjagaan ekosistem.

"Ini sekali gus dapat memberikan pendedahan kepada mereka tentang isu-isu alam sekitar yang berlaku di Sabah," katanya.

Dalam program tersebut, pelajar UMS telah menjalankan aktiviti melukis mural yang bertemakan haiwan yang terdapat di taman hidupan liar tersebut, selain turut membantu membersihkan kawasan tertentu di Taman Hidupan Liar Lok Kawi.

Pelajar UMS juga berke-

sempatan mendengar ceramah daripada wakil Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Siti Nur'ain Ampuan Acheh serta menyaksikan persembahan 'Animal Show' yang dipersembahkan oleh kakitangan taman itu.

Sebagai penghargaan kepada pihak Taman Hidupan Liar Lok Kawi, telah menghasilkan ECO BAMBOO iaitu sebuah tong sampah yang diperbuat daripada bahan-bahan semula jadi iaitu buluh untuk disumbangkan kepada Taman Hidupan Liar Lok Kawi.